



**LAPORAN KONVENSYEN AHLI
LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
TAHUN 2008**

• • •
MAHKOTA HOTEL, MELAKA
15 DISEMBER 2008



KANDUNGAN

MUKASURAT

UCAPAN ALUAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	2
UCAPAN PERASMIAN YANG BERHORMAT MENTERI KESIHATAN	7
UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN YANG BERHORMAT TIMBALAN MENTERI KESIHATAN	15
KERTAS KERJA 1 PERANAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	20
PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SESI SOAL JAWAB KERTAS KERJA 1	31
- LAMPIRAN A	33
KERTAS KERJA 2 LAPORAN AKTIVITI AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN, KUANTAN	37
PERKARA-PERKARA BERBANGKIT SESI SOAL JAWAB KERTAS KERJA 2	48
- LAMPIRAN B	49
LAMPIRAN TAMBAHAN	
SENARAI KEHADIRAN KONVENSYEN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL KKM TAHUN 2008	52
SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BIL. 2 / 2006	76
SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA BIL. 1 / 2007	87

UCAPAN ALUAN

OLEH

Y. BHG. DATO' SRI DR. HAJI MOHD. NASIR BIN MOHD ASHRAF

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**UCAPAN ALUAN
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

15 Disember 2008



Bismillahirrahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Kementerian Kesihatan Malaysia telah dapat menganjurkan majlis Konvensyen Ahli Lembaga Pelawat Hospital Tahun 2008. Kementerian berpandangan bahawa adalah bertepatan sekali Konvensyen ini dilaksanakan dalam usaha untuk memantapkan lagi peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

Penganjuran konvensyen ini juga menunjukkan komitmen pucuk pimpinan tertinggi Kementerian Kesihatan dan merupakan titik permulaan kepada perancangan yang disediakan bagi memantapkan lagi pentadbiran Lembaga Pelawat Hospital seluruh negara.

Konvensyen ini juga bertujuan sebagai wadah bagi Kementerian untuk menyampaikan maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pelawat Hospital dalam membantu pihak hospital.

Di samping itu, adalah diharapkan melalui Konvensyen ini juga akan dapat merapatkan lagi hubungan di antara Ahli-ahli Lembaga Pelawat dan seterusnya menjadi *platform* untuk bertukar-tukar pendapat dan ide mengenai aktiviti-aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk kebaikan bersama.

Seperti kita sedia maklum bahawa Tuan-Tuan dan Puan-Puan dilantik sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital bagi tempoh tiga tahun pada sesuatu masa, sesungguhnya tempoh ini berkehendakkan kepercayaan dan tanggungjawab yang tinggi daripada Tuan-Tuan dan Puan-Puan. Tuan-Tuan dan Puan-Puan diamanahkan dengan tugas yang cukup mencabar yang dapat memastikan perubahan dan peningkatan kepada mutu penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan negara.

Di dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan ini, saya amat berharap sekali agar ianya dapat dilaksanakan secara teratur dan menepati segala garis panduan dan peraturan yang disediakan. Pematuhan ini dapat memperjelaskan peranan setiap pihak, iaitu antara Ahli Lembaga Pelawat dan pihak hospital. Sesungguhnya peranan di antara Ahli Lembaga Pelawat dengan pihak hospital umpama *supplement* dan *complement* antara satu sama lain. Saya percaya sekiranya peranan ini dilaksanakan dengan baik, ianya menjamin kepada jalinan hubungan mesra dan kerjasama yang erat yang akhirnya membawa kepada hasil produktiviti yang tinggi.

Hubungan harmoni di antara pihak hospital dan Ahli Lembaga Pelawat akan membawa kesefahaman kepada matlamat kewujudan Lembaga Pelawat Hospital dan melahirkan suatu hubungan yang positif ibarat aur dengan tebing kerana kedua-dua pihak saling memerlukan antara satu sama lain. Matlamatnya ialah kesejahteraan dalam penjagaan kesihatan rakyat.

Akhir kata, marilah kita berganding bahu, menggembeleng tenaga dalam semangat kerjasama yang erat, bekerja dengan mesra dan harmoni menjalankan tanggungjawab bersama untuk menaikkan lagi mutu dan tahap perkhidmatan hospital di negara ini.

Sekian, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y. BHG. DATO' SRI DR. HAJI MOHD. NASIR BIN MOHD ASHRAF

UCAPAN PERASMIAN

OLEH

Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

**UCAPAN PERASMIAN
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

15 DISEMBER 2008



Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian Y.Bhg. Dato'/ Datin, Tuan/Puan kerana hadir ke Konvensyen Ahli Lembaga Pelawat Hospital Tahun 2008. Saya berasa begitu terharu atas keprihatinan dan komitmen Y.Bhg. Dato'/ Datin, Tuan/Puan semua untuk bersama-sama di majlis yang julung-julung kali diadakan ini.

Sebagaimana yang sedia maklum, Lembaga Pelawat Hospital (LPH) telah ditubuhkan sejak tahun 1946 di hospital-hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Tujuan penubuhannya ialah untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada orang ramai. Hasrat ini diharap akan tercapai melalui perlantikan Y.Bhg. Dato'/Datin, Tuan/Puan sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital KKM.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tuan/Puan yang telah sudi menerima perlantikan sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Saya difahamkan bahawa daripada 130 buah hospital Kerajaan, sebanyak 109 buah hospital telah pun melantik seramai 1,908 ahli lembaga pelawat. Kesanggupan Tuan/Puan untuk meluangkan masa dan menjalankan tugas ini secara sukarela adalah satu pengorbanan yang amat besar dan terpuji. Dan kami, di Kementerian Kesihatan, sememangnya amat menghargai pengorbanan Tuan/Puan.

Kita kini berada dalam dunia yang sentiasa bergerak pantas dan masyarakat di seluruh dunia mendapat akses kepada gerbang capaian maklumat yang tiada bersempadan. Dengan lain perkataan masyarakat kini merupakan masyarakat yang bermaklumat dan sedar akan hak dan kehendak mereka.

Selaras dengan perkembangan semasa ini, pendekatan dalam penjagaan kesihatan menuntut kepada perubahan. Ekspektasi masyarakat sebagai pelanggan hospital pada masa kini amat besar sekali. Masyarakat kini lebih sensitif terhadap hak mereka untuk

mendapatkan perkhidmatan yang cekap dan mesra. Dalam hal ini Lembaga Pelawat serta pihak hospital mempunyai peranan bersama bagi memastikan tanggungjawab sosial ini dijalankan dengan sebaik mungkin.

Jumlah pesakit yang menerima perkhidmatan hospital-hospital kerajaan telah meningkat setiap tahun. Pada tahun 2007, seramai 14.4 juta orang pesakit telah menerima rawatan sebagai pesakit luar manakala seramai 1.96 juta pesakit telah dimasukkan ke wad bagi pemeriksaan lanjut. Pesakit dan keluarga yang berada di hospital haruslah dilayani dengan mesra dan adil tanpa mengira status dan latar belakang. Pihak Kerajaan sentiasa memberi perhatian dalam aspek penyampaian penjagaan kesihatan kepada rakyat walaupun dalam keadaan ekonomi global yang kurang memberangsangkan. Ini adalah bertujuan supaya rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang terbaik dalam apa jua keadaan.

Berdasarkan kepada perkara ini, ia memperlihatkan peri pentingnya masyarakat dilibatkan dalam setiap program dan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian, di hospital dan fasiliti - fasiliti KKM di semua peringkat.

Kementerian sedar, untuk mendapat sokongan dan penglibatan masyarakat khususnya masyarakat setempat, Kementerian memerlukan perantara yang dapat memainkan peranan sebagai duta-duta kecil yang mewakili Kementerian di peringkat akar umbi dan seterusnya menjadi jambatan penghubung yang kukuh dengan masyarakat.

Peranan ini dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya oleh Ahli-Ahli Lembaga Pelawat setiap hospital. Oleh itu perancangan yang rapi untuk menarik penglibatan masyarakat mendekati dan meyokong program-program anjuran hospital dan Kementerian hendaklah dibuat. Di kesempatan ini juga, saya ingin menasihati semua ahli lembaga pelawat hospital supaya membuat perancangan yang rapi untuk setiap tahun. Perancangan yang rapi dapat memastikan kejayaan setiap program yang dijadualkan.

Adalah menjadi harapan saya bahawa melalui Tuan/Puan, masyarakat akan mendapat maklumat dan penerangan yang jelas mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan menerusi hospital agar tidak menimbulkan kekeliruan dan

salah faham. Dengan cara ini, imej dan peranan sesebuah hospital itu akan terpelihara seterusnya membuktikan keberkesanan perkhidmatan Lembaga Pelawat ini ditubuhkan.

Sehubungan itu saya ingin menyeru kepada ahli-ahli lembaga pelawat untuk bersikap proaktif agar hasrat Kementerian dan aspirasi Kerajaan untuk menyediakan satu sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang kepada rakyat tercapai.

Bagi membantu para Ahli Lembaga Pelawat Hospital dalam melaksanakan peranan dengan lebih berkesan, pihak Kementerian akan memberikan Geran Tahunan berjumlah RM 10,000.00 kepada setiap Lembaga Pelawat di seluruh negara. Jumlah ini hanyalah sebagai permulaan sahaja dan peruntukan untuk geran-geran tahun akan datang akan ditentukan berdasarkan prestasi Lembaga Pelawat masing-masing. Adalah diharap pemberian geran ini dapat menyuntik semangat serta membantu para Ahli Lembaga Pelawat untuk berkhidmat dengan lebih baik kepada masyarakat.

Saya juga ingin menarik perhatian pihak pentadbiran hospital supaya dapat memainkan peranan untuk memberi bimbingan,

nasihat dan bantuan yang sewajarnya kepada ahli-ahli lembaga pelawat hospital bagi membolehkan pihak lembaga melaksanakan mereka dengan jayanya dan berkesan melalui pematuhan kepada peraturan.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk memberi ingatan kepada para Pengarah Hospital supaya sentiasa memantau dan memastikan Lembaga Pelawat Hospital masing-masing bergerak aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti untuk kepentingan rakyat. Bagi membantu dalam pemantauan dan penyelarasan aktiviti-aktiviti Lembaga Pelawat ini, pihak Kementerian akan melantik seorang *Liaison Officer* di peringkat Kementerian serta menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat negeri.

Saya juga berharap agar Konvensyen yang diadakan pada hari ini dapat membantu Tuan/Puan untuk mempertingkatkan kefahaman tentang peranan dan tanggungjawab yang boleh dimainkan oleh Tuan/Puan sebagai Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Saya juga ingin menyarankan kepada semua Ahli Lembaga Pelawat Hospital agar peka dengan perubahan semasa dan mampu memberi teguran-teguran yang membina kepada pengurusan hospital melalui

lawatan-lawatan yang diadakan di hospital. Seelok-eloknya, lawatan yang lebih kerap dapat diadakan sekurang-kurangnya sebulan sekali oleh ahli-ahli lembaga bagi mendapatkan maklum balas mengenai kualiti perkhidmatan yang diberikan oleh hospital.

Sebagai penutup, saya ingin menekankan bahawa saya amat berkeyakinan bahawa penglibatan aktif Tuan/Puan akan dapat membawa perubahan kepada sistem penyampaian perkhidmatan kesihatan yang lebih cemerlang.

Sekian terima kasih.

Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN

OLEH

**Y.B. DATUK DR. HJ. ABD. LATIFF BIN AHMAD
TIMBALAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN TIMBALAN MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

15 DISEMBER 2008



Asalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam hormat dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu, marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan innayah-Nya, dapat kita bersama-sama pada Majlis Penutup Konvensyen Ahli Lembaga Pelawat Hospital tahun 2008.

Sepanjang Konvensyen ini, Dato'/Datin/Tuan/Puan akan didedahkan dengan ilmu untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai ahli lembaga pelawat hospital. Semoga ia telah membantu untuk memberi penjelasan akan tanggung jawab dan tugas yang harus dipikul Tuan/Puan secara bersama dengan pihak Hospital.

Sepertimana yang sedia maklum, hospital kerajaan di seluruh negara menjadi tumpuan rakyat untuk mendapat perkhidmatan perubatan. Perkara ini semakin ketara lebih-lebih lagi dalam keadaan suasana ekonomi yang kurang

memberangsangkan kini. Akibat daripada permintaan yang tinggi ini, sudah tentu pihak hospital menghadapi satu cabaran yang besar bagi memenuhi keperluan para pelanggan yang semakin ramai. Lanjutan daripada itu Kementerian dapati bahawa sebanyak 1,455 kes aduan yang diterima bagi tempoh bulan Januari sehingga Jun 2008 adalah berkaitan dengan hospital. 41% daripada aduan tersebut adalah mengenai rasa tidak puas hati terhadap kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh hospital.

Pelbagai kemungkinan boleh menyebabkan perkara ini berlaku. Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab, kami lihat ini dari sudut yang positif, di mana ia boleh dijadikan sebagai indikator dan membuka ruang bagi Kementerian dan hospital-hospital untuk membuat penambahbaikan kepada mutu perkhidmatan yang disediakan.

Salah satu daripada penambahbaikan yang dikenalpasti ialah melalui pemantapan peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital dan konvensyen ini merupakan satu *platform* ke arah itu. Melalui pemantapan ini diharap kita bersama-sama dapat merubah persepsi negatif segelintir masyarakat terhadap mutu perkhidmatan yang disediakan kepada yang lebih positif dan membanggakan.

Sebagai tanda pengiktirafan terhadap peranan dan sumbangan para Ahli Lembaga Pelawat Hospital, pihak Kementerian akan mewujudkan Anugerah

Lembaga Pelawat Hospital Terbaik serta Anugerah Kepimpinan Ahli Lembaga Pelawat Hospital. Adalah diharap pemberian anugerah-anugerah ini akan dapat menyuntik semangat dan motivasi kepada semua Ahli Lembaga Pelawat Hospital untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang. Di samping itu, pihak Kementerian juga akan memberikan Geran Tahunan kepada setiap Lembaga Pelawat Hospital untuk membantu dalam pelaksanaan aktiviti-aktiviti di hospital masing-masing. Semoga pengiktirafan dan bantuan yang diberikan oleh Kementerian kepada Lembaga Pelawat Hospital ini akan membantu para Ahli Lembaga Pelawat Hospital menjalankan fungsi dan peranan masing-masing sebagai agen mengukuh, memantap dan memperbaiki mutu perkhidmatan di hospital demi kepentingan masyarakat.

Sudah menjadi fitrah manusia bahawa kita bukanlah makhluk yang sempurna. Tetapi ini tidak menghalang kita daripada memberikan yang terbaik dan membuat perubahan untuk kebaikan terutama sekali dalam menjalankan tanggungjawab kita.

Kementerian memerlukan kerjasama Dato'/Datin/Tuan/Puan selaku Ahli Lembaga Pelawat untuk melipatgandakan usaha dan bersikap lebih proaktif bagi memastikan segala rancangan dapat dilaksanakan dengan cara yang terbaik mungkin. Usaha Tuan/Puan ini amat bermakna sekali kepada usaha Kerajaan yang menjanjikan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang cemerlang dan berterusan kepada rakyat Malaysia.

Khidmat bakti Dato'/Datin/Tuan/Puan membantu Kerajaan bagi meningkatkan taraf kesihatan rakyat negara ini adalah merupakan amal jariah dan tanggungjawab sosial yang mulia. Tidak semua orang dapat memikul tanggungjawab ini. Syabas saya ucapkan kepada Dato'/Datin/ Tuan/Puan yang telah sanggup berkorban masa dan tenaga untuk melaksanakannya.

Dalam beberapa hari sahaja lagi, kita bakal melangkah ke tahun 2009 yang sudah pasti lebih mencabar dan menguji kemampuan kita. Walaupun begitu, saya dan warga kerja Kementerian Kesihatan keseluruhannya mempunyai keyakinan penuh bahawa dengan berkat usaha gigih dan komitmen tinggi tuan/puan sekalian, matlamat penubuhan lembaga pelawat hospital akan tercapai dan cita-cita Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bertaraf dunia akan terlaksana. Insyallah.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan ini menutup dengan rasminya Majlis Konvensyen Ahli Lembaga Pelawat Hospital Tahun 2008.

Sekian terima kasih.

Y.B. DATUK DR. HJ. ABD. LATIFF BIN AHMAD

KERTAS KERJA 1

**PERANAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

OLEH

**DR. GHAZALI HASNI BIN HJ. MOHD. HASSAN
PENGARAH
HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH
KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

**PERANAN
AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

Oleh

**Dr. Ghazali Hasni Hj. Mohd. Hassan
Pengarah
Hospital Tengku Ampuan Rahimah
Klang, Selangor darul Ehsan**

KANDUNGAN

- 1. LATARBELAKANG PENUBUHAN LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL**

- 2. WAWASAN DAN MISI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**
 - 2.1. WAWASAN KKM*
 - 2.2. MISI KKM*

- 3. PERANAN LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL KKM**
 - 3.1. SEBAGAI PENGHUBUNG ANTARA HOSPITAL DAN PELANGGAN / KOMUNITI*
 - 3.2. MENGADAKAN LAWATAN KE HOSPITAL*
 - 3.3. MENJALANKAN PROJEK KEBAJIKAN UNTUK PELANGGAN*
 - 3.4. PERKHIDMATAN KEBAJIKAN KEPADA PESAKIT DAN HOSPITAL*
 - 3.5. MELIBATKAN DIRI DAN MASYARAKAT DALAM AKTIVITI HOSPITAL*
 - 3.6. MENCADANGKAN PENAMBAHBAIKAN PRESTASI KAKITANGAN*
 - 3.7. AHLI MEDICAL INQUIRY COMMITTEE*

- 4. MESYUARAT AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL DAN MESYUARAT BERSAMA PENGARAH HOSPITAL**
 - 4.1. MESYUARAT ALPH*
 - 4.2. MESYUARAT SEMPENA LAWATAN BERSAMA PENGARAH HOSPITAL*
 - 4.3. TAKLIMAT-TAKLIMAT YANG BOLEH DIPOHON OLEH ALPH*

- 5. PERINGATAN KEPADA PARA AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL**

- 6. HARAPAN DAN CABARAN**

1.0 LATARBELAKANG PENUBUHAN LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

Lembaga Pelawat Hospital (LPH) ditubuhkan dengan tujuan memberi nasihat kepada pihak berkuasa hospital tentang kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan yang perlu diperbaiki. Di samping itu, LPH turut berperanan mewujudkan dan menjalin perhubungan yang lebih rapat di antara pesakit, orang awam, para pegawai serta kakitangan hospital.

2.0 WAWASAN DAN MISI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Penubuhan LPH adalah selari dengan matlamat mencapai Wawasan dan Misi Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2.1 Wawasan KKM

2.1.1 Malaysia akan menjadi sebuah negara terdiri daripada individu, keluarga dan masyarakat yang sihat melalui sistem kesihatan yang adil dan saksama, cekap, mampu disedia dan diperolehi, berteknologi sesuai, serasi pelanggan dan bersesuaian dengan persekitaran.

2.1.2 Sistem ini juga akan mengutamakan kualiti, inovasi, promosi kesihatan dan hormat kepada kemuliaan insan.

2.1.3 Menggalakkan tanggungjawab individu dan penyertaan masyarakat ke arah peningkatan mutu kehidupan.

2.2 Misi KKM

Mewujudkan penglibatan dan penyertaan masyarakat untuk kesihatan bagi merangsang dan memudahkan rakyat untuk :

2.2.1 mencapai sepenuhnya kemampuan kesihatan mereka;

2.2.2 menghargai kesihatan sebagai asset yang bernilai

- 2.2.3 mengambil langkah positif meningkatkan lagi dan mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kehidupan yang lebih bermutu.

3.0 PERANAN LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

- 3.1 Menjadi penghubung antara Hospital dan Pelanggan / Komuniti.
 - 3.1.1 LPH memainkan peranan perhubungan awam yang positif dengan memberi penerangan yang jelas kepada orang awam mengenai kemudahan-kemudahan am dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh pihak hospital serta masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak hospital dalam memberi perkhidmatan kepada orang ramai.
 - 3.1.2 Dengan cara ini, imej serta peranan sesebuah hospital akan dapat diperbaiki dan perkhidmatan LPH akan disanjung tinggi.
- 3.2 Mengadakan lawatan ke Hospital.
 - 3.2.1 Ahli Lembaga Pelawat Hospital (ALPH) boleh memeriksa dan membuat lawatan ke mana-mana Jabatan dan Unit dalam hospital termasuklah wad-wad pesakit. Walau bagaimanapun, lawatan ini hendaklah tidak menggendalakan kerja dan tidak pula menghalang pemeriksaan dan rawatan pesakit-pesakit yang ada di dalam wad.
 - 3.2.2 LPH turut berperanan mengadakan lawatan ke hospital yang bertujuan mendapatkan maklumat mengenai perkhidmatan yang diberikan di hospital.
 - 3.2.3 Lawatan ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklumat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh hospital berkaitan perkhidmatan kepada pesakit dan waris serta mencadangkan kepada hospital atau melaksanakan perkhidmatan bagi membantu pesakit dan waris.

- 3.2.4 LPH adalah dikehendaki menyediakan laporan mengenai setiap lawatan sebaik lawatan selesai dan membincangkannya di dalam mesyuarat LPH masing-masing.
- 3.2.5 Semua lawatan yang dibuat oleh LPH hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut :
- 3.2.5.1 Seelok-eloknya, lawatan hendaklah dibuat sebulan sekali tetapi jika ini tidak dapat dilaksanakan, maka lawatan hendaklah dibuat tidak kurang dari 3 bulan sekali.
 - 3.2.5.2 Bilangan ALPH dalam setiap kumpulan hendaklah tidak melebihi 5 orang.
 - 3.2.5.3 ALPH tidak dibenarkan menghantar wakil dalam apa jua keadaan.
 - 3.2.5.4 ALPH adalah dilarang membuat sebarang kenyataan di dalam akhbar berkaitan dengan hasil lawatannya.
 - 3.2.5.5 Jadual lawatan hendaklah disediakan terlebih dahulu dan diedarkan kepada semua ALPH. Tarikh dan waktu lawatan akan diaturkan oleh Urus Setia.
 - 3.2.5.6 Semasa ALPH membuat lawatan ke hospital, Pengarah atau Timbalan Pengarah, Ketua Jururawat, Penyelia Hospital dan seorang doktor/pakar yang ditentukan oleh Pengarah Hospital hendaklah turut serta di dalam lawatan.
 - 3.2.5.7 Hasil lawatan hendaklah dibentang dan dibincangkan di dalam mesyuarat ALPH.

- 3.2.6 Menerusi lawatan ini juga, LPH boleh mendapatkan maklumat daripada pesakit yang datang ke hospital untuk mendapatkan rawatan serta pesakit di dalam wad berhubung makanan, kebersihan, layanan kakitangan hospital, pakaian, tempat tidur serta lain-lain kemudahan yang diberi.
 - 3.2.7 Antara tempat-tempat yang digalakkan untuk dilawati oleh LPH adalah wad-wad rawatan, klinik-klinik rawatan klinikal serta Unit-Unit sokongan seperti dispensari, makmal, radiologi dan lain-lain.
 - 3.2.8 Walau bagaimanapun, terdapat juga tempat-tempat yang tidak digalakkan untuk dilawati atas sebab-sebab risiko jangkitan serta keselamatan pesakit serta harta hospital. Tempat-tempat ini adalah termasuk Wad Pengasingan/Rawatan Rapi, Bahagian Penyucian Hama, Bilik Rekod Pesakit, Dewan Pembedahan, Bilik Bersalin serta Stor Perubatan.
- 3.3 Menjalankan projek kebajikan untuk pelanggan.
- 3.3.1 LPH diharap dapat memberi perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit dan hospital umpamanya dengan mengumpul dan menghadihkan pakaian lama kepada pesakit miskin serta mengumpul buku-buku dan majalah untuk bacaan pesakit serta mengumpul dan menghadihkan barang-barang permainan kepada pesakit kanak-kanak.
 - 3.3.2 ALPH juga boleh secara peribadi menyumbangkan atau mendapatkan bantuan kewangan, misalnya, untuk membaiki surau, taman bunga, tempat pesakit berehat dan sebagainya.
 - 3.3.3 Perkhidmatan sebegini akan dapat menonjolkan sumbangan positif yang boleh diberikan oleh LPH sebagai pelengkap kepada perkhidmatan di hospital.

3.4 Perkhidmatan kebajikan kepada pesakit dan hospital.

3.4.1 LPH juga boleh memberikan perkhidmatan kebajikan kepada pesakit-pesakit dan pihak hospital umpamanya dengan mengumpul buku-buku dan majalah untuk bacaan pesakit, mengumpul dan menghadihkan pakaian lama dan barang permainan kepada pesakit miskin serta pesakit kanak-kanak.

3.4.2 ALPH juga boleh secara peribadi menyumbangkan atau mendapatkan bantuan kewangan untuk membaiki surau, menyediakan seni taman, tempat pesakit berehat dan sebagainya.

3.5 Melibatkan diri dan masyarakat dalam aktiviti hospital.

3.5.1 LPH turut berperanan melibatkan diri dalam aktiviti hospital dengan komuniti seperti kempen-kempen menderma darah, kempen anti-merokok dan sebagainya.

3.5.2 ALPH juga boleh mengatur program-program berkaitan untuk membantu hospital menjayakan program-program lain yang dapat membantu pihak hospital dalam memberikan perkhidmatan yang lebih cekap dan baik kepada masyarakat.

3.6 Mencadangkan penambahbaikan prestasi kakitangan.

LPH juga boleh memainkan peranan dalam memantau dan menjaga prestasi para kakitangan hospital dengan mengemukakan sebarang teguran dan cadangan positif dalam meningkatkan mutu perkhidmatan semasa mesyuarat bulanan atau pada bila-bila masa yang dirasakan perlu kepada pihak pengurusan hospital.

3.7 Ahli *Medical Inquiry Committee*

ALPH juga boleh dilantik mewakili komuniti di dalam *Medical Inquiry Committee* dalam menangani aduan-aduan dan kes-kes salahlaku kakitangan bersama dengan pakar-pakar rujuk yang dilantik oleh Pengarah Kesihatan Negeri.

4.0 MESYUARAT AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL DAN MESYUARAT BERSAMA PENGARAH HOSPITAL

4.1 Mesyuarat ALPH.

4.1.1 Mesyuarat ini adalah dipengerusikan oleh Pengerusi LPH dan dihadiri oleh semua ALPH serta anggota-anggota Hospital.

4.1.2 Pengarah hospital atau wakil juga turut hadir di dalam mesyuarat ini.

4.1.3 Agenda mesyuarat adalah meliputi semua aktiviti LPH yang sedang dijalankan serta yang dirancang untuk dilaksanakan di masa akan datang.

4.2 Mesyuarat sempena lawatan bersama Pengarah Hospital.

4.2.1 Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Hospital dan turut dihadiri oleh Pengerusi serta Ahli-Ahli LPH.

4.2.2 Agenda perbincangan adalah meliputi laporan hasil lawatan LPH termasuklah hasil pemerhatian, masalah-masalah yang dikenalpasti sekiranya ada, pandangan dan ulasan berhubung masalah berkenaan serta taklimat Hospital tentang perkhidmatan yang disediakan.

4.2.3 Maklumbalas dari Pengarah Hospital berhubung segala isu yang dibincangkan di dalam mesyuarat ini akan dilaporkan kepada Pengarah Kesihatan Negeri melalui Laporan Pengarah Hospital kepada Pengarah Kesihatan Negeri. Pengarah Kesihatan Negeri seterusnya akan memaklumkan kepada pihak Kementerian melalui Laporan Pengarah Kesihatan Negeri kepada Pengarah Perkhidmatan Perubatan Kementerian Kesihatan Malaysia.

4.3 Antara Taklimat yang boleh dipohon oleh LPH daripada pihak hospital termasuklah :

- 4.3.1 Bayi Tabung Uji;
- 4.3.2 Fungsi Forensik;
- 4.3.3 O.S.C.C.;
- 4.3.4 Fungsi J.K.S.P.;
- 4.3.5 Pendermaan Organ;
- 4.3.6 Pembukaan Klinik Anika A&E;
- 4.3.7 Pendermaan Darah; dan
- 4.3.8 Sistem Temujanji.

5.0 PERINGATAN KEPADA PARA AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL

- 5.1 Dalam menjalankan semua tugas dan fungsi yang tersebut di atas, ALPH tidak dibenarkan untuk mengganggu dalam sebarang urusan pentadbiran hospital dan rawatan pesakit.
- 5.2 Setiap ALPH juga tidak boleh membincangkan dengan para pesakit tentang selok-belok dan teknik rawatan.
- 5.3 ALPH juga tidak dibenarkan untuk menjalankan sebarang urusan urus niaga.
- 5.4 Para ALPH juga tidak boleh memohon dipercepatkan rawatan kepada pesakit serta memohon pesakit dibenarkan memasuki wad kelas pertama tanpa surat jaminan (GL).

6.0 HARAPAN DAN CABARAN

- 6.1 Para ALPH perlulah memainkan peranan serta menjaga imej sebagai penasihat, pembimbing serta pengubah haluan.
- 6.2 Para ALPH perlulah bekerja secara berpasukan dan sentiasa memikirkan cara terbaik untuk member perkhidmatan kepada masyarakat.
- 6.3 ALPH hendaklah mempunyai inovasi fikiran bagi mengoptimakan perkhidmatan.
- 6.4 Antara cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh ALPH termasuklah :
 - 6.4.1 Meningkatkan masa untuk perancangan aktiviti.
 - 6.4.2 Meningkatkan kekerapan lawatan.
 - 6.4.3 Meningkatkan penglibatan LPH serta masyarakat dalam aktiviti hospital.
 - 6.4.4 Mengenenpikan kepentingan peribadi di dalam tugas sebagai ALPH.
 - 6.4.5 Memperbaiki tahap kehadiran ke mesyuarat LPH.
 - 6.4.6 Memperbanyakkan penerangan dan hebahan maklumat kepada orang ramai tentang perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan di hospital masing-masing.

**PERKARA – PERKARA BERBANGKIT
SESI SOAL JAWAB
KERTAS KERJA 1**

**PERANAN AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

OLEH

**DR. GHAZALI HASNI BIN HJ. MOHD. HASSAN
PENGARAH
HOSPITAL TENGKU AMPUAN RAHIMAH
KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN**

Perkara –perkara yang Dibangkitkan oleh ALPH semasa Sesi Soal Jawab selepas Pembentangan Kertas Kerja Pertama oleh Y. Bhg. Dr. Ghazali Hasni bin Mohd. Hassan, Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

Bil.	Perkara yang Dibangkitkan	Maklumbalas	Catatan
1	<p>Memohon Pengesahan Pelantikan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri : Isu ini dibangkitkan oleh Y.Bhg. Dato’ Dr. Suarn Singh a/l Jasmit Singh, Pengarah Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak dan Dr. Kamarudin Ahmad, Pengerusi ALPH Hospital Permai, Johor.</p>	<p>Menurut Dr. Teng Seng Chong, Timbalan Pengarah Kanan, Caw. Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, perkara ini adalah di luar skop konvensyen kali ini tetapi mengakui perkara ini perlu diberikan perhatian.</p>	<p>Maklumat lanjut di Lampiran A Perkara 1</p>
2	<p>Penganjuran Konvensyen ALPH khusus untuk Hospital Psikiatri : Isu ini dibangkitkan oleh Y.Bhg. Dato’ Dr. Suarn Singh a/l Jasmit Singh, Pengarah Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak.</p>	<p>Pihak Urusetia akan mengkaji kemungkinan menganjurkan Konvensyen ALPH khusus untuk membincangkan isu-isu spesifik berkaitan hospital-hospital psikiatri di masa hadapan.</p>	<p>Maklumat lanjut di Lampiran A Perkara 2</p>
3	<p>ALPH diberi kuasa untuk memberi Pengecualian Bayaran kepada Pesakit Miskin : Isu ini dibangkitkan oleh En. Mariadas Sinnapayan, Pengerusi ALPH Hospital Kulai, Johor.</p>	<p>Menurut Dr. Teng Seng Chong, Timbalan Pengarah Kanan, Caw. Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, perkara ini adalah suatu "<i>strict administrative matter</i>" dan hanya Pengarah Hospital atau anggota yang diberi kuasa sahaja boleh memberikan pengecualian bayaran.</p>	<p>Maklumat lanjut di Lampiran A Perkara 3</p>

Bil.	Isu	Maklumbalas	Catatan
4	<p>Menggantikan Ahli yang Didapati Tidak Aktif : Isu ini dibangkitkan oleh Y.Bhg. Dato' M. Ramalingam, Pengerusi ALPH Hospital Seremban, N. Sembilan.</p>	<p>Menurut Dr. Teng Seng Chong, Timbalan Pengarah Kanan, Caw. Perkembangan Perkhidmatan Perubatan, pelantikan dan penggantian ALPH adalah di bawah budi bicara YBMK</p>	<p>Maklumat lanjut di Lampiran A Perkara 4</p>
5	<p>Tempoh Konvensyen yang terlalu singkat : Isu ini dibangkitkan oleh Tn. Hj. Mohd. Nor Yaacob, Pengerusi ALPH Hospital Tumpat, Kelantan.</p>	<p>Pihak Urusetia akan mengkaji kemungkinan memanjangkan tempoh konvensyen di masa hadapan</p>	<p>Maklumat lanjut di Lampiran A Perkara 5</p>

Perkara-perkara yang Dibangkitkan oleh Para ALPH semasa Sesi Soal Jawab selepas Pembentangan Kertas Kerja

1 Pengesahan Status Ahli Lembaga Pelawat Hospital Psikiatri :

Isu ini dibangkitkan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Suarn Singh a/l Jasmit Singh, Pengarah Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak dan Dr. Kamarudin Ahmad, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Permai, Johor.

Menurut Y.Bhg Dr. Suarn Singh, 5 daripada 17 ALPH di Hospital Bahagia masih belum menerima pengesahan perantikan sebagai ALPH. Daripada jumlah ini, 2 daripadanya adalah pengamal perubatan. Dr. Kamarudin memaklumkan bahawa perkara yang sama turut berlaku kepada ALPH di Hospital Permai.

Keadaan ini menyukarkan ALPH di hospital psikiatri untuk melaksanakan tugas mereka kerana di bawah Akta Kesihatan Mental Malaysia Tahun 2001, rombongan pelawat ke hospital psikiatri hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya seorang pengamal perubatan, sebaik-baiknya seorang pakar psikiatri.

Sehubungan itu, Y.Bhg. Dato' Dr. Suarn dan Dr. Kamarudin memohon supaya pengesahan status ALPH di hospital-hospital psikiatri dipercepatkan demi menjamin kelancaran tugas Lembaga Pelawat.

Maklumbalas Dr. Teng Seng Chong, Timbalan Pengarah Kanan Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan :

Dr. Teng memaklumkan bahawa perkara ini adalah di luar skop konvensyen kali ini tetapi mengakui bahawa perkara ini perlu diberikan perhatian. Beliau turut menyatakan bahawa tujuan konvensyen kali ini adalah untuk menyelesaikan isu-isu berkaitan ALPH hospital biasa terlebih dahulu.

2 Penganjuran Konvensyen ALPH khusus untuk Hospital Psikiatri :

Isu ini dibangkitkan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Suarn Singh a/l Jasmit Singh, Pengarah Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak. Isu ini ditimbulkan susulan daripada makluman bahawa skop konvensyen pada kali ini tidak termasuk isu-isu spesifik kepada hospital-hospital psikiatri.

Beliau mencadangkan supaya suatu konvensyen diadakan khusus untuk ALPH hospital-hospital psikiatri kerana terdapat sesetengah isu yang perlu dibincangkan khusus berkaitan dengan bidang perubatan psikiatri dan tidak tertakluk di dalam perkhidmatan oleh hospital biasa.

Maklumbalas Urusetia :

Pihak Urusetia akan mengkaji kemungkinan menganjurkan Konvensyen ALPH khusus untuk membincangkan isu-isu spesifik berkaitan hospital-hospital psikiatri di masa hadapan.

3 Memberi Kuasa kepada ALPH untuk Memberi Pengecualian Bayaran Pesakit Miskin :

Isu ini dibangkitkan oleh En. Mariadas Sinnapayan, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kulai, Johor. Beliau mencadangkan supaya ALPH diberi kuasa menandatangani surat pengecualian bayaran untuk pesakit miskin.

Maklumbalas Dr. Teng Seng Chong, Timbalan Pengarah Kanan Cawangan Perkembangan Perkhidmatan Perubatan :

Perkara ini adalah suatu "*strict administrative matter*" dan hanya Pengarah Hospital atau anggota yang diberi kuasa sahaja boleh memberi pengecualian bayaran. Walau bagaimanapun, ALPH boleh memberikan cadangan dan nasihat berhubung perkara ini.

4 Penggantian Ahli yang didapati tidak aktif :

Isu ini dibangkitkan oleh Y.Bhg. Dato' M. Ramalingam, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Seremban, Negeri Sembilan. Beliau ingin mendapatkan maklumat tentang kaedah dan prosedur untuk menggantikan ALPH yang tidak aktif.

Maklumbalas Penasihat YBMK, Dr. Teng Seng Chong :

Pelantikan dan penggantian ALPH adalah di bawah budi bicara YBMK. Walaubagaimanapun, pandangan dan nasihat daripada peringkat akar umbi akan diambil kira sebelum pelantikan dibuat.

5 Tempoh Konvensyen yang terlalu singkat :

Isu ini dibangkitkan oleh Tn. Hj. Mohd. Nor Yaacob, Pengerusi Ahli Lembaga Pelawat Hospital Tumpat, Kelantan. Beliau memohon supaya tempoh konvensyen di masa hadapan dipanjangkan.

Maklumbalas Urusetia :

Pihak urusetia akan mengkaji kemungkinan memanjangkan tempoh konvensyen di masa hadapan dengan mengadakan aktiviti "*brainstorming / workshop*" secara berkumpulan diikuti dengan pembentangan hasil penemuan serta resolusi yang berkenaan. Dengan itu, tempoh konvensyen boleh dipanjangkan kepada 2 hari.

KERTAS KERJA 2

**LAPORAN AKTIVITI AHLI LEMBAGA PELAWAT
HOSPITAL TENGKU AMPUAN AFZAN, KUANTAN**

OLEH

**ENCIK LIYU TUCK FATT
PENGERUSI
LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
HOSPITAL TENGKU AMPUAN AFZAN
KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR**

**LAPORAN AKTIVITI AHLI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
TENGGU AMPUAN AFZAN, KUANTAN**

Oleh:

**En. Liyu Tuck Fatt
Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital
Hospital Tengku Ampuan Afzan
Kuantan, Pahang Darul Makmur**

KANDUNGAN

1. **PENDAHULUAN**
2. **LATAR BELAKANG**
 - 2.1. *HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN KUANTAN*
 - 2.2. *LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN KUANTAN*
3. **STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN KUANTAN**
4. **AKTIVITI-AKTIVITI DALAMAN HOSPITAL**
 - 4.1. *MESYUARAT LEMBAGA PELAWAT*
 - 4.2. *MENGADAKAN LAWATAN KE HOSPITAL*
 - 4.3. *PENGHUBUNG ANTARA HOSPITAL DAN KOMUNITI*
 - 4.4. *PERKHIDMATAN KEBAJIKAN KEPADA PESAKIT DAN HOSPITAL*
 - 4.5. *MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI HOSPITAL*
5. **AKTIVITI-AKTIVITI LUARAN**
 - 5.1. *LAWATAN KE HOSPITAL LAIN*
 - 5.2. *PERBINCANGAN DENGAN KUMPULAN SUKARELAWAN*
6. **AKTIVITI-AKTIVITI YANG AKAN DIJALANKAN**
 - 6.1. *PENUBUHAN LAMAN WEB LEMBAGA PELAWAT*
 - 6.2. *AKTIVITI AMAL MENGISI TABUNG KAJIKAN PESAKIT HOSPITAL*
 - 6.3. *ANUGERAH TAHUNAN KEPADA BAHAGIAN-BAHAGIAN DI HOSPITAL*
 - 6.4. *LAWATAN KE LUAR NEGERI*
7. **PENUTUP**

1 PENDAHULUAN

Terlebih dahulu, pihak Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan dan Lembaga Pelawat Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kepercayaan Kementerian Kesihatan Malaysia memberi peluang dan penghormatan menyampai dan membentangkan laporan ini. Segala aktiviti- aktiviti yang dirancang dan dijalankan adalah mengikut garis panduan yang telah ditentukan oleh pihak Kementerian.

2 LATAR BELAKANG

2.1 Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan

Hospital Daerah Kuantan telah dibina pada tahun 1904 di atas sebidang tanah seluas 40.1 ekar di tengah-tengah kawasan bandar Kuantan. Hospital ini amat diperlukan untuk menampung penduduk Kuantan yang meliputi satu kawasan seluas 269,000 hektar dengan penduduk seramai 420,300 orang. Selain daripada itu, ia juga merupakan pusat rujukan perubatan dan kesihatan utama di Negeri Pahang yang mempunyai seramai 1,483,600 orang. Etnik kaum di kawasan ini termasuk kaum Melayu, Cina, India, Orang Asli dan sebagainya. Statistik ini adalah berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan Malaysia tahun 2007.

Pada 3 November 1995, bangunan baru Hospital Daerah Kuantan telah dibuka secara rasmi oleh KDYMM Sultan Pahang. Dalam upacara yang bersejarah ini, Baginda Sultan telah berkenan untuk menamakan Hospital Daerah Kuantan ini sebagai **Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan bermula tahun 1994.**

Satu lagi perkembangan yang signifikan ialah pembinaan **Kompleks Rawatan Harian** yang siap dibina dan memulakan operasi pada bulan Februari 2005.


2.2 Lembaga Pelawat Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan

Lembaga Pelawat HTAA telah ditubuhkan pada tahun 70'an. Pada masa itu, ia diuruskan oleh Badan- Badan Berkanun Bukan Kerajaan (NGO) seperti *Rotary Club*. Ahli- ahlinya adalah dilantik oleh pihak Pengarah Hospital.

Pelbagai kerja bakti dan amal telah dijalankan oleh Lembaga Pelawat HTAA demi kepentingan pesakit dan pelanggan hospital. Ketekunan dan kerjasama yang erat antara pihak pengurusan hospital dan Lembaga Pelawat telah membawa kepada penerimaan Anugerah Lembaga Yang Terbaik pada tahun 2002.

3 STRUKTUR ORGANISASI LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN KUANTAN

Struktur Carta Organisasi Lembaga Pelawat Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan



4 AKTIVITI- AKTIVITI DALAMAN HOSPITAL

Lembaga Pelawat HTAA telah menjalankan pelbagai aktiviti dalaman di HTAA. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut:

- Mesyuarat Lembaga Pelawat;
- Lawatan Ke Hospital Dan Penyediaan Laporan;
- Penghubung Antara Hospital Dan Komuniti;
- Perkhidmatan Kebajikan Kepada Pesakit Dan Hospital; dan
- Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Hospital

4.1 Mesyuarat Lembaga Pelawat

Mengikut **Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia Bil. 2 Tahun 2006 – Urusan Perlantikan Dan Peranan Ahli Lembaga Pelawat Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia**, Mesyuarat Lembaga Pelawat hendaklah diadakan sekurang-kurangnya **empat (4) kali setahun** dan tidak melebihi **12 kali setahun** serta dipengerusikan oleh seorang Ahli Lembaga yang telah dilantik dan turut dihadiri oleh Pengarah Hospital atau wakil dan mana- mana pegawai yang ditetapkan oleh Pengarah Hospital berkenaan.

Lembaga Pelawat HTAA telah menetapkan untuk mengadakan mesyuaratnya setiap bulan pada hari Khamis minggu pertama jam 3.00 petang. Jadual mesyuarat tahun yang akan datang disediakan dan diedar kepada semua Ahli Lembaga Pelawat (ALP) pada hujung tahun sebelumnya. Contoh takwim Mesyuarat Lembaga Pelawat HTAA bagi tahun 2008 adalah seperti di **Lampiran B**. Tujuan utama takwim ini dikeluarkan awal adalah supaya semua ALP boleh membuat perancangan dan persediaan yang sewajarnya. Contoh Surat Panggilan Mesyuarat dan Agenda Mesyuarat adalah seperti di **Lampiran A**.

Setiap kali sebelum mesyuarat dimulakan, Lembaga Pelawat akan diberi satu taklimat mengenai perkhidmatan yang diberi oleh sesuatu jabatan/ unit di HTAA selama 30 minit. Contohnya, Jabatan Psikiatri telah dipilih untuk memberi taklimat mengenai perkhidmatan yang diberi oleh Jabatan tersebut pada mesyuarat bulan Februari 2008 yang diadakan pada 14 Februari 2008. Jadual penuh taklimat tersebut adalah seperti di **Lampiran C**.

Satu minit mesyuarat seperti di **Lampiran D** akan disediakan dan dihantar kepada setiap ahli termasuk pihak pengurusan hospital. Segala keputusan dalam mesyuarat akan dilaksanakan. Segala keputusan dan hasil yang tercapai dalam menjalankan aktiviti-aktiviti yang dirancang akan dibentang dalam mesyuarat yang akan datang dan tindakan yang seterusnya dibincang.

4.2 Mengadakan Lawatan Ke Hospital

Salah satu aktiviti dalaman Lembaga Pelawat HTAA adalah mengadakan lawatan ke hospital. Ahli Lembaga Pelawat akan dipecahkan kepada empat (4) kumpulan kecil untuk menjalankan aktiviti ini. Kumpulan-kumpulan tersebut adalah Kumpulan Sokongan, Kumpulan Wad, Kumpulan Klinik dan Kumpulan Kaunter. Ahli- ahli setiap kumpulan serta skop lawatan setiap kumpulan adalah seperti di **Lampiran E**.

Selepas setiap lawatan berjadual dilaksanakan, ketua kumpulan akan menyediakan laporan dan dibentang dalam mesyuarat yang akan datang. Contoh laporan tersebut adalah seperti di **Lampiran F**.

Segala pemerhatian dan cadangan yang terkandung dalam laporan-laporan tersebut akan dibincang dan hasilnya disampaikan kepada pihak pengurusan hospital untuk makluman atau tindakan sewajarnya.

Seterusnya, maklumbalas dari pihak pengurusan hospital akan dibincang dalam Mesyuarat Lembaga yang akan datang.

4.3 Penghubung Antara Hospital Dan Komuniti

Salah satu fungsi utama Lembaga Pelawat Hospital adalah sebagai penghubung di antara pihak hospital dengan masyarakat umum. Demi menjalankan tanggungjawab ini, pelbagai aktiviti dijalankan oleh Lembaga Pelawat HTAA.

Antara aktiviti tersebut adalah mengadakan program 'Sehari Dengan Pelanggan' di mana ahli-ahli Lembaga Pelawat akan bertemu dan berkenalan dengan pelanggan dan pesakit. Dalam program ini, perhubungan dua hala dapat diwujudkan di mana pesakit atau orang awam boleh mendapat penjelasan dan bantuan daripada pihak

Lembaga Pelawat di samping memberi pandangan atau membuat aduan kepada Lembaga Pelawat tentang perkhidmatan atau pengurusan hospital berkenaan. Di samping itu, pihak Lembaga Pelawat pula boleh mengambil kesempatan untuk mendapat maklumbalas tahap kepuasan pesakit atau orang awam dan seterusnya mengambil tindakan penambahbaikan atau pencegahan untuk mempertingkatkan prestasi perkhidmatan hospital.

Selain daripada semasa program Sehari Dengan Pelanggan, pelanggan dan pesakit boleh menyampaikan cadangan dan aduan melalui Ahli Lembaga Pelawat selain daripada saluran pengurusan hospital dan doktor masing-masing. Dalam pada itu, maklumat seperti nama ahli-ahli Lembaga Pelawat bersama dengan nombor telefonnya di sebarluaskan melalui pelbagai saluran seperti papan kenyataan di hospital dan sebagainya.

Di samping itu, ahli Lembaga Pelawat juga memperkenalkan peranan mereka melalui persatuan- persatuan serta jawatankuasa-jawatankuasa peringkat kampung dan NGO. Memandangkan ramai daripada ahli-ahli Lembaga Pelawat adalah agak aktif dalam aktiviti sosial dan politik, mereka mempunyai saluran yang agak luas. Dengan tindakan- tindakan atau aktiviti-aktiviti yang dijalankan seperti di atas, imej kedua-kedua pihak iaitu hospital dan Lembaga Pelawat dapat dipertingkatkan.

4.4 Perkhidmatan Kebajikan Kepada Pesakit Dan Hospital

Lembaga Pelawat HTAA juga banyak menjalankan aktiviti perkhidmatan kebajikan kepada pesakit dan hospital. Antaranya ialah pendermaan buku dan majalah kepada hospital untuk kegunaan pesakit. Buku-buku dan majalah-majalah ini dikumpul melalui individu dan orang ramai. Bahan bacaan ini kemudian diserahkan kepada Pejabat Kebajikan Sosial Perubatan Hospital untuk diedarkan bagi kegunaan pesakit dan pelanggan yang sedang menunggu giliran berjumpa doktor.

Konsep yang sama juga digunakan dalam pengumpulan alat-alat permainan daripada individu dan orang ramai yang seterusnya akan diserahkan kepada pihak hospital untuk menceriakan hati pesakit kanak-kanak di hospital.

4.5 Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Hospital

Akhir sekali, ahli-ahli Lembaga Pelawat sering melibatkan diri dalam aktiviti hospital yang dianjurkan oleh pihak hospital seperti Kempen Anti-Merokok, Hari Jantung, Kempen Menderma Darah, pelbagai seminar, dialog dan sebagainya.

5 AKTIVITI-AKTIVITI LUARAN

Selain daripada aktiviti dalaman di hospital, Lembaga Pelawat HTAA juga telah menjalankan pelbagai aktiviti luaran seperti berikut:

5.1 Lawatan Ke Hospital Lain

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah lawatan ke hospital lain. Antara lawatan yang telah dijalankan ialah lawatan ke Hospital Temerloh yang telah diadakan pada 2007 dan Hospital Selayang pada 2004.

Di dalam lawatan- lawatan tersebut, ahli Lembaga Pelawat kedua-dua pihak telah menukar pandangan dan cadangan mengenai aktiviti masing-masing. Lawatan ke Hospital Johor Bharu dan Hospital Serdang yang telah dirancang terpaksa ditangguhkan kerana masa yang tidak sesuai. Lawatan-lawatan seperti ini memang berfaedah dan lebih lawatan sedang dirancangkan.

5.2 Perbincangan Dengan Kumpulan Sukarelawan

Di samping itu, perbincangan dengan pihak sukarelawan, terutamanya sukerelawan di hospital juga sering dijalankan. Kerjasama yang erat di antara Lembaga Pelawat dengan sukarelawan adalah sangat penting untuk sama-sama menyumbang kepada kemajuan hospital.

6 AKTIVITI-AKTIVITI YANG AKAN DIJALANKAN

Perancangan aktiviti-aktiviti masa depan perlu juga diberi perhatian yang sewajarnya. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dirancang adalah seperti berikut:

- Penubuhan Laman Web Lembaga Pelawat;
- Aktiviti Amal Untuk Mengisi Tabung Kebajikan Pesakit Hospital;
- Anugerah Tahunan Lembaga Pelawat Ke Bahagian-Bahagian Hospital; dan
- Lawatan Ke Hospital Luar Negara.

6.1 Penubuhan Laman Web Lembaga Pelawat

Cadangan menubuhkan laman web Lembaga Pelawat untuk mengagihkan maklumat mengenai peranan dan tanggungjawab Lembaga Pelawat serta maklumat mengenai perkhidmatan hospital kepada orang awam dan mendapat tindakbalas daripada orang awam dengan secepat yang mungkin dalam zaman IT ini telah diluluskan untuk dilaksanakan. Sasarannya ialah untuk memulakan pelaksanaannya pada awal tahun 2009.

6.2 Aktiviti Amal Untuk Mengisi Tabung Kebajikan Pesakit Hospital

Lembaga Pelawat HTAA juga sedang merancang untuk menganjurkan jamuan makan, larian amal, *jumble sales* dan lain-lain aktiviti mengutip dana untuk mengisi Tabung Kebajikan Pesakit Hospital. Aktiviti-aktiviti amal ini memang penting kerana terdapat segolongan besar pesakit yang berpendapatan rendah tidak mampu membayar bil hospital, bil alat-alat dan lain-lain. Dana ini boleh digunakan oleh pihak hospital membayar bil hospital, alat-alat dan sebagainya yang diperlukan oleh golongan miskin ini.

6.3 Anugerah Tahunan Kepada Bahagian- Bahagian Di Hospital

Prestasi kerja yang cemerlang perlu diberi pengiktirafan. Dengan itu, anugerah tahunan dicadang akan diberikan kepada bahagian-bahagian wad, klinik, kaunter dan sokongan terbaik. Dengan pemberian penghormatan kepada bahagian-bahagian yang cemerlang, adalah diharapkan bahagian-bahagian tersebut akan terus meningkatkan prestasi mereka. Di samping itu, ia juga akan mendorong bahagian-bahagian lain untuk meningkatkan prestasi mereka dengan harapan akan menjadi pemenang anugerah ini pada masa hadapan.

6.4 Lawatan Ke Luar Negeri

Lawatan ke luar negeri terutamanya ke hospital-hospital di negara lain banyak memberi manfaat kepada ahli Lembaga Pelawat. Perkara ini terbukti dengan lawatan ke King Chulanlongkorn Memorial Hospital Bangkok pada 2001. Antara lain, ahli-ahli telah banyak mempelajari cara-cara yang digunapakai oleh pihak hospital tersebut untuk menjaga tahap kebersihan hospital pada tahap yang tertinggi sekali.

Antara perancangan lawatan ke luar negeri yang telah dibuat oleh Lembaga Pelawat HTAA adalah lawatan ke hospital-hospital di Indonesia. Akan tetapi disebabkan kekangan kewangan, lawatan tersebut perlu ditangguhkan dahulu.

7. PENUTUP

Demikian adalah secara ringkasnya perjalanan aktiviti yang dilaksanakan oleh Lembaga Pelawat HTAA untuk dikongsi bersama dengan Lembaga-lembaga Pelawat Hospital lain. Semoga perkongsian maklumat dan pengalaman ini dapat menjadi ikhtibar kepada ahli-ahli Lembaga Pelawat lain yang seterusnya akan menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan Lembaga-lembaga Pelawat Hospital yang lain.

**PERKARA – PERKARA BERBANGKIT
SESI SOAL JAWAB
KERTAS KERJA 2**

**LAPORAN AKTIVITI AHLI LEMBAGA PELAWAT
HOSPITAL TENGKU AMPUAN AFZAN, KUANTAN**

OLEH

**ENCIK LIYU TUCK FATT
PENGERUSI
LEMBAGA PELAWAT HOSPITAL
